



**Pertanyaan dari:**

En. Abu Bakar bin Ismail,  
Tanjung Bidara – Masjid Tanah,  
Melaka.

**Wajibkah orang fakir miskin itu mengeluarkan zakat fitrah, selepas daripada ia menerima zakat dari orang lain?**

**Jawab:**

Sebelum daripada saya menjawab pertanyaan saudara di atas ada lebih baik saya terangkan perbezaan di antara orang fakir dengan orang miskin.

**Orang fakir ialah:** Orang yang tidak mempunyai harta dan tidak mempunyai perusahaan yang tetap, atau mempunyai harta dan usahanya tetapi pendapatannya kurang daripada seperdua untuk menutup sara hidupnya sehari-hari dan tidak ada pula orang yang berkewajipan memberi perbelanjaan kepadanya.

**Ada pun orang miskin itu ialah:**

Orang yang kehidupannya lebih susah dan lebih menderita daripada orang fakir, hingga untuk menutup sara hidupnya sehari-hari pun tidak mencukupi.

Dengan pengertian yang tersebut di atas makan teranglah bahawa orang fakir miskin itu tidak wajib baginya mengeluarkan zakat fitrah, sekalipun selepas daripada ia menerima zakat fitrah dari orang lain. Kerana orang-orang Islam yang ada menyimpan makanan yang mencukupi buat dimakan pada siang dan malam hari itu, tiadalah disukai oleh agama ia mengemis (meminta sedekah). Ini ditegaskan sendiri oleh Rasulullah *salla Allāhu ‘alayhi wa sallam* di dalam sebuah hadithnya yang berbunyi:

*“Qala Sahlu bin al-Hanzaliyah, qāla*

*Rasūl Allāh salla Allāhu ‘alayhi wa sallam:*

*“Man sa’ala wa ‘indahu ma yughnīhi fainnamā yastakthiru min jamri Jahannam”. Qālū:*

*“Ya Rasūl Allāh! Wa mā yughnīhi?” Qāla:*

*“Mā yughnīhi wa yughhīhi” (H. Ş. R.<sup>1</sup>*

*Ahmad wa Abu Daud wa Ibnu Hibban).* Ertinya:

“Telah berkata Sahlu bin al-Hanzaliyah, bahawa Rasulullah *salla Allāhu ‘alayhi*

*wa sallam* pernah bersabda: “Barang

siapa meminta-minta pada hal ia mempunyai

(makanan) yang mencukupi baginya, maka

tiada lain melainkan ia membanyakkan bara-bara

api dari *Jahannam*”. Kemudian mereka

berkata: “Wahai Rasulullah! Apa

yang mencukup baginya?” Beliau

bersabda: “Yaitu yang cukup buat

dimakan pada siangnya dan malamnya.”

(Hadith sahih diriwayatkan oleh

Ahmad, Abu Daud dan Ibnu Hibban).

Dengan membaca hadith di atas jelaslah

kepada kita bahawa orang yang keadaannya

seperti disebutkan oleh Rasulullah

di dalam hadith tersebut yaitu:

“Orang yang mempunyai makanan sekadar

cukup untuk makanannya pada waktu

siang dan malamnya” Itulah dinamakan

orang fakir miskin dan kepada ialah

sewajibnya diberikan zakat fitrah itu,

bukan ia yang diwajibkan mesti

mengeluarkan zakat. Mengenai dengan perkara

ini di dalam suatu hadith yang lain

Rasulullah *salla Allāhu ‘alayhi wa sallam* ada

bersabda:

*“La şadaqatu illā ‘an zahr ghaniyu”*

(H. Ş. R. Al-Bukhari). Ertinya:

Tidak ada sedekah (zakat) melainkan

selebih daripada keperluan” (hadith

sahih diriwayatkan oleh Bukhari).

Maksud hadith ini bahawa zakat itu diwajibkan oleh syarak di atas orang-orang

yang mempunyai kemampuan,

kemampuan di sini ialah orang-orang yang

keperluan hidup mereka melebihi

daripada yang dihajatkan, tidak mesti

mereka itu dari golongan orang-orang

hartawan sahaja. Jadi orang-orang yang

fakir miskin itu tidak ada

kewajipan di atas mereka mengeluarkan

zakat, malahan seharusnya merekalah yang

menerima zakat itu.

Walau bagaimanapun berhubung dengan

soal ini saya ada berjumpa suatu

hadith Rasulullah yang menyuruh

golongan fakir miskin juga wajib

mengeluarkan zakat fitrah. Nas hadith

itu berbunyi demikian:

*“qala Abū Şa’ir, qāla al-nabi*

*salla Allāhu ‘alayhi wa sallam: ‘Aduwā şadaqatu*

*al-ḥīri sā’ā min qimah ‘an kulli*

*insān şaghīr aw kabīr, ḥarra aw*

*mamlūk, ghaniyu aw faqīr, zakar aw*

*urḥa. Annū ghaniyukum fayuzakūni Allah wa immā*

*faqīrukum fayuraddu Allāh aktharu mim mā a’āfa”*

(H.R. Al-Bayhaqi wa Abu Daud). Ertinya:

“Telah berkata Abu Sa’ir, bahawa Nabi

*salla Allāhu ‘alayhi wa sallam* pernah bersabda:

‘Keluarkanlah zakat fitrah satu şā’

(gantang) dari gandum buat tiap-tiap

orang yang kecil atau besar, merdeka

atau hamba, kaya atau fakir, lelaki atau

perempuan. Ada pun orang yang kaya

<sup>1</sup> Hadith Sahih Riwayat.

## 1001 Masalah

di antara kamu itu, mudah-mudahan Allah membersihinya akan dia; dan ada pun orang yang fakir di antara kamu itu, mudah-mudahan Allah akan mengembalikannya kepadanya terlebih dari apa yang ia telah berikan.” (Hadith diriwayatkan oleh Al-Bayhaqi dan Abu Daud).

Tetapi hadith ini dianggap lemah usnadnya oleh beberapa orang imam (para ulama hadith), seperti Imam Ahmad bin Hanbal, Imam Bukhari, Ibnu Mu’in, Yahya bin Sa’id dan lain-lain, kerana di dalam isnadnya terdapat seorang yang bernama “Al-Nu’man bin Rashid Al-Jazari”.

Jadi dengan tertolakannya hadith yang kedua ini, kami berpendapat bahawa orang-orang yang diwajibkan membayar zakat

fitrah itu tak lain melainkan orang-orang yang ada mempunyai kemampuan yang lebih daripada keperluan hidupnya sehari-hari. Dan batas keperluan itu telah diterangkan di dalam hadith yang pertama. Dengan itu teranglah bahawa orang-orang yang tidak mempunyai kemampuan lebih daripada keperluan sara hidupnya sehari semalam, tidak wajib mengeluarkan zakat fitrah, malah dilarang mereka mengeluarkan zakat fitrah itu.

\* \* \*

### Pertanyaan dari:

Basri bin Rashidi,  
Parit Tok Ngah – Jalan Baharu,  
Parit Buntar – Perak.

**Bagi seseorang yang belum kuat kepercayaannya terhadap adanya Allah, apakah bukti-bukti yang kuat yang menunjukkan bahawa Allah tetap ada?**


### Jawab:

Kalau pertanyaan saudara itu hendak dijawab dengan lengkap nescaya kami terpaksa mengarang sebuah kitab tauhid yang beratus-ratus muka tebalnya.

Tetapi untuk menghilangkan perasaan ragu-ragu saudara itu sila baca muqalah yang berjudul “**Pengaruh dan Hasil Keimanan**” yang ditulis oleh saudara Abdul Majid Haji Khatib yang telah kami siarkan di ruangan majalah Qalam bilangan 211 keluaran bulan Mei 1968 muka surat 28.

Kalau saudara masih belum berpuas hati dengan keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh penulis makalah itu, maka kami syorkan sampai saudara membaca kitab-kitab ilmu tauhid yang lebih luas dan lengkap.

**Abu al-Mokhtar.**



Asap hitam kelihatan sedang menjulang-julang naik ke langit dari beberapa batang saluran minyak yang pecah di sempadan Jordan setelah di bom oleh kapal terbang perang Israel. – (Gambar dipetik dari “Al-Nadwah” Makkah).